

**Garis Panduan****GARIS PANDUAN DAN PERATURAN  
PENGGUNAAN KEMUDAHAN SIDANG VIDEO  
PUSAT PENGETAHUAN, KOMUNIKASI & TEKNOLOGI (PPKT)**

**Kampus Kejuruteraan**  
Engineering Campus  
**Universiti Sains Malaysia**  
Seri Ampangan,  
14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang,  
Malaysia  
T: 604 599 5306/5333  
F: 604 599 6999  
E: [servisdesk.eng@usm.my](mailto:servisdesk.eng@usm.my)  
L: [www.ppkt.eng.usm.my](http://www.ppkt.eng.usm.my)

Peraturan-peraturan berikut adalah peraturan umum penggunaan kemudahan sidang video yang perlu dipatuhi oleh pengguna:

- i. Permohonan tempahan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dalam tempoh 7 hari bekerja sebelum tarikh penggunaan. Tempahan perlu dibuat menerusi sistem ServisDesk@PPKT di [sd.usm.my/ppkt](http://sd.usm.my/ppkt). Sebarang masalah yang timbul di atas kelewatan tempahan adalah tanggungjawab pemohon.
- ii. Bagi permohonan sidang video yang melibatkan pihak luar USM:
  - a. Sesi ujian awal perlu dilakukan sekurang-kurangnya 5 hari bekerja sebelum tarikh penggunaan sebenar bagi mengatasi sebarang masalah yang timbul. Permohonan untuk sesi ujian juga perlu dilakukan oleh pemohon dengan menyediakan maklumat lengkap berkenaan sesi tersebut melalui sistem ServisDesk@PPKT.
  - b. Pihak pemohon perlu bersama-sama dengan pihak PPKT semasa sesi ujian awal bagi menyelaraskan semua proses berkaitan.
- iii. Sebarang perubahan tarikh/masa hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum tarikh penggunaan. Sekiranya berlaku pembatalan, pihak PTJ bertanggungjawab memaklumkan kepada pihak PPKT dengan kadar segera supaya tempahan tersebut dapat dimanfaatkan oleh pengguna lain dan juga bagi mengelakkan pembaziran tenaga kerja dan elektrik.
- iv. Pengguna perlu menamatkan semua aktiviti tepat jam 10.00 malam. Sebarang keperluan penggunaan selepas jam 10.00 malam perlu dimaklumkan lebih awal untuk urusan penyediaan petugas.
- v. Bagi penggunaan Studio Telesidang, pengguna boleh menetapkan susun atur perabot mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, pengguna wajib menyusun semula kepada kedudukan asal selepas digunakan.
- vi. Pihak PTJ adalah bertanggungjawab di atas keselamatan dan kebersihan ruang semasa penggunaannya.
- vii. Jika sesi telesidang mengalami gangguan atau kegagalan semasa telesidang sedang berlangsung, satu laporan teknikal akan disediakan sekiranya perlu bagi menerangkan punca masalah tersebut sama ada di peringkat dalaman atau luaran.
- viii. PPKT berhak untuk mengambil tindakan atau membatalkan tempahan jika didapati pengguna gagal mematuhi garis panduan atau melanggar peraturan yang disediakan.